

# **Orang Asli Jakun Johor**

**Penyunting:**

Shamsatun Nahar Ahmad<sup>1</sup>, Ahmad Nawawi Yaakob<sup>2</sup>

**E-mel:**

shams551@uitm.edu.my<sup>1</sup>

**Abstrak:** Penerokaan sebahagian daripada keunikan dan kehebatan suku kaum Jakun yang menetap di kawasan Bekok, Segamat, Johor diadaptasi di dalam buku ini yang mengandungi lapan (8) bab. Rupa paras orang Jakun adalah amat hampir dengan rupa paras orang Melayu. Meneliti pada warisan budaya Orang Asli Jakun, ia adalah suatu yang menarik dan tersendiri. Mereka kaya dengan pantang larang dan patuh pada aturan alam belantara yang menjadi sebahagian daripada kehidupan.

Bab dalam buku ini dimulai dengan adat dan tradisi Orang Asli Jakun sehinggalah kepada tren pendidikan. Setiap bab merupakan hasil penyelidikan yang telah dilakukan terhadap Orang Asli Jakun dan ada keunikan tersendiri. Buku ini sangat sesuai untuk sesiapa sahaja yang berminat menerokai kehidupan Orang Asli, khususnya etnik Jakun.

**Kata kunci:** Amalan, budaya, pantang larang, ritual

# ORANG ASLI JAKUN JOHOR

ORANG ASLI JAKUN JOHOR



Editor

*Shamsatun Nahar Ahmad  
Ahmad Nawawi Yaakob*



Penerbit  
**UTHM**

Editor : Shamsatun Nahar Ahmad  
Ahmad Nawawi Yaakob

# ORANG ASLI JAKUN **JOHOR**

# ORANG ASLI JAKUN JOHOR

Editor

***Shamsatun Nahar Ahmad  
Ahmad Nawawi Yaakob***



## **PENULIS BAB**

Shamsatun Nahar Ahmad

Ahmad Nawawi Yaakob

Rohani Jangga

Jaslin Md Dahlan

Muruga Chinniah

Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak

Nor Fauziah Abu Bakar

Alizah Ali

Norlina M. Ali

Rosnani Mohd Salleh

Mohd Zulkhairi Mat Salleh

Asmawati Che Hassan

Palaniappan Shamala

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ORANG ASLI JAKUN JOHOR / Editor Shamsatun Nahar Ahmad,

Ahmad Nawawi Yaakob. ISBN 978-967-0061-27-6

1. Jakun (Malaysian people)--Malaysia--Johor.
  2. Jakun (Malaysian people)--Ethnic identity.
  3. Jakun (Malaysian people)--Malaysia--Johor--Social life and customs.
  4. Orang Asli (Malaysian people)--Social life and customs.
  5. Government publications--Malaysia.
- I. Shamsatun Nahar Ahmad, 1969-. II. Ahmad Nawawi Yaakob 1965-.  
305.899230595119

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8698 / 8529  
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pt@uthm.edu.my](mailto:pt@uthm.edu.my)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>  
Penerbit UTHM adalah anggota

Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)

# KANDUNGAN

Senarai Rajah	ix
Senarai Jadual	xiii
Dedikasi	xv
Kata Pengantar	xvii
Penghargaan	xix
Prakata	xxi
 Pengenalan	 1
Bab 1 Kepercayaan dan Adat Tradisi Orang Asli Jakun, Bekok	5 <i>Ahmad Nawawi Yaakob, Rohani Jangga, Alizah Ali &amp; Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak</i>
Bab 2 Makanan Tradisi Orang Asli Jakun Bekok	27 <i>Ahmad Nawawi Yaakob, Rohani Jangga, Norlina M. Ali &amp; Rosnani Mohd Salleh</i>
Bab 3 Mengubah Landskap Pendidikan Anak-Anak Orang Asli Jakun di SK Kampong Kudung: Cikgu Rosnah Yaakob	45 <i>Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak &amp; Ahmad Nawawi Yaakob</i>

Bab 4	Pendidikan Anak Orang Asli Jakun di Kampung Kudung: Khidmat Komuniti UiTMJ ( <i>The Golden Diggers: Fun Learning Science, Mathematics and English</i> ) <i>Shamsatun Nahar Ahmad, Nor Fauziah Abu Bakar &amp; Muruga Chinniah</i>	57
Bab 5	Penapis Air Takah Pengkoi: Khidmat Komuniti UiTMJ <i>Mohd Zulkhairi Mat Salleh &amp; Asmawati Che Hassan</i>	85
Bab 6	Impak Pendidikan terhadap Mobiliti Sosial dalam kalangan Orang Asli di Johor <i>Jaslin Md Dahlan</i>	97
Bab 7	Kaedah Matematik dalam Mengukur Tahap Kualiti Hidup Graduan Orang Asli Jakun UiTM: Satu Tinjauan <i>Shamsatun Nahar Ahmad &amp; Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak</i>	109
Bab 8	Trend Pendidikan Tinggi Orang Asli di Johor <i>Muruga Chinniah, Palaniappan Shamala &amp; Shamsatun Nahar Ahmad</i>	131
Biodata Penulis		151
Indeks		153

## **SENARAI RAJAH**

1.1	Ketua adat melakukan pemujaan di Tanah Lapang di Keramat Datuk Simpang Keanan, Kampung Tamok	9
1.2	Ketua Adat membakar kemenyan untuk memulai pemujaan	10
1.3	Masyarakat Orang Asli Jakun mandi di sungai selepas ditepung tawar semasa pemujaan	11
1.4	Dukun Tok Biah	15
1.5	Dukun Tok Biah melakukan pemujaan dalam bentuk nyanyian	16
1.6	Tanah perkuburan Orang Asli Jakun Kampung Kemidak	17
1.7	Kubur kanak-kanak diletakkan buaian dan kayu berbentuk perahu	18
1.8	Barangan si mati diletakkan di atas pangkin pada kawasan kuburan	19
1.9	Kawasan kubur dibersihkan dan dihias dengan pokok	21
1.10	Kubur dijadikan tempat memohon hajat daripada nenek moyang	22
2.1	Daun lerek	28
2.2	Memasak nasi menggunakan buluh	29
2.3	Ayam panggang dibungkus dengan daun lerek	30
2.4	Nasi buluh dan ayam panggang yang telah dimasak	30

2.5	Ayam masak kekek	31
2.6	Penulis dijamu ayam masak kekek, ayam panggang dan nasi buluh	32
2.7	Ayam panggang, pulut kuning, pulut putih dan pulut hitam	34
2.8	Ketupat pulut periuk kera, lemang, pulut hitam	35
2.9	Ayam panggang bersama pulut kuning dan kuih-muih	35
2.10	Makanan diletakkan dalam dulang semasa sesi pemujaan	36
2.11	Ikan baung singgang	37
2.12	Lotong masak kekek	38
2.13	Jokut masak kekek kering	39
2.14	Jokut masak merah	40
2.15	Kijang masak rendang	41
2.16	Ketupat pulut periuk kera	42
2.17	Lemang daun lerek	42
2.18	Agar-agar santan	43
3.1	Cikgu Rosnah Yaakob	46
3.2	Cikgu Rosnah bersama para guru di SK Kampong Kudung	49
3.3	Kelas di SK Kampong Kudung yang telah dihias	51
3.4	Asrama di SK Kampong Kudung yang telah dihias	51
3.5	Cikgu Rosnah bersama para pelajar SK Kampong Kudung	52
3.6	Majlis perpisahan Cikgu Rosnah di SK Kampong Kudung	56
4.1	Murid-murid sedang menjawab soalan Sains	69
4.2	Murid-murid sedang menjawab soalan Matematik	74
4.3	Murid-murid sedang menjawab soalan Bahasa Inggeris	81
4.4	Majlis penutup program	83

5.1	Reka bentuk penapis air	89
5.2	Pemasangan sangkar penapis air	90
5.3	Pandangan atas penapis air	91
5.4	Pemantauan kualiti air	92
5.5	Pelajar UiTM Kampus Pasir Gudang menunjukkan punca pencemaran air	94
5.6	Pelajar UiTM Kampus Pasir Gudang membimbing murid Orang Asli tentang air bersih	95
5.7	Murid Orang Asli teruja melihat uji kaji air bersih	95
5.8	Penyelidik UiTM Kampus Pasir Gudang bersama murid Orang Asli di SK Kampong Kudung	96
8.1	Graf kemasukan Orang Asli ke IPT (2012-2018)	135
8.2	Graf lulusan mengikut peringkat pengajian Orang Asli UiTM (2014-2019)	142

## **SENARAI JADUAL**

1.1	Senarai kampung, jumlah ketua rumah, jumlah isi rumah dan nama Tok Batin	12
4.1	Kronologi gerak kerja <i>The Golden Diggers</i> (TGD)	60
6.1	Profil responden	102
7.1	Soalan-soalan temu bual	115
7.2	Profil 12 graduan UiTM Orang Asli Johor	116
7.3	Kategori kualiti hidup	122
7.4	Jenis penilaian pihak berkepentingan	123
7.5	Tahap kepentingan menggunakan TFN	123
7.6	Faktor utama dan sub-faktor kajian	124
7.7	Penilaian perbandingan berpasangan antara faktor	124
7.8	Pemberat setiap faktor dan sub-faktor	125
7.9	Skor kajian setiap sub-faktor	125
7.10	Jumlah skor keseluruhan penilaian	126
8.1	Orang Asli mengikut negeri, etnik, sub-etnik bagi tahun 2019	132
8.2	Sub-etnik Orang Asli di Johor (2010-2018)	133
8.3	Kemasukan Orang Asli ke IPT (2010-2018)	134
8.4	Kemasukan Orang Asli ke IPT pada tahun 2018	136
8.5	Bilangan lulusan UiTM keturunan Orang Asli mengikut Kampus UiTM dan fakulti bagi tahun (2014-2019)	140

8.6	Bilangan lulusan Orang Asli UiTM mengikut tahun dan peringkat pengajian (2014-2019)	141
8.7	Bilangan lulusan UiTM keturunan Orang Asli Johor mengikut program di UiTM seluruh Malaysia (2014-2019)	143

## DEDIKASI

Buku Orang Asli Jakun Johor ditulis khusus untuk para penyelidik yang berminat dalam 17 tujuan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainability Development Goals (SDG)*) termasuklah pendidikan berkualiti, kemiskinan, air bersih dan sanitasi, peningkatan ekonomi dan pengekalan budaya tradisi.

Buku kecil ini juga untuk semua pembaca yang berminat ingin mengetahui latar belakang komuniti Orang Asli Jakun, kepercayaan dan adat budaya mereka. Pembaca akan menemui suatu pengalaman baharu mengenai dunia Orang Asli Jakun dan menepis tanggapan negatif terhadap masyarakat minoriti ini.

Seterusnya, buku kecil ini ditujukan kepada pusat pengurusan penyelidikan UiTM (RMC) yang telah memberi kepercayaan kepada kami menguruskan geran SDG-T ini sehingga tamat. Walaupun kami berdepan cabaran penularan COVID-19 ketika melaksanakan penyelidikan, namun itu tidak melemahkan semangat untuk terus melangkah melalui pelbagai pelan tindakan. Banyak perancangan aktiviti tertangguh dan ada yang terpaksa diubah mengikut kesesuaian keadaan. Kami menjadi lebih bersemangat apabila tempoh geran dilanjutkan.

Buku ini sangat istimewa kerana bahan-bahan yang telah dikumpul dapat direalisasikan dalam bab buku. Sudah tentu buku ini juga adalah untuk semua penulis bab iaitu Rohani Jangga, Jaslin Md. Dahlan, Muruga Chinniah, Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak, Nor Fauziah Abu Bakar, Alizah Ali, Norlina M. Ali, Mohd Zulkhairi Mat Salleh, Asmawati Che Hasan, Rosnani Mohd Salleh, dan Palaniappan Shamala.

## KATA PENGANTAR

Segala puji bagi Allah s.w.t yang telah mengizinkan buku bertajuk **Orang Asli Jakun Johor** dapat disiapkan. Tiga bab adalah hasil penyelidikan yang dibiayai oleh geran *Lestari SDG Triangle 2019* RMC UiTM, satu bab merupakan penyelidikan di bawah geran luar iaitu *National River Care Fund* dari *Global Environment Centre*, sebuah badan bukan kerajaan yang menguruskan hal-hal berkaitan dengan alam sekitar.

Penyusunan bab dimulai dengan kepercayaan dan adat tradisi Orang Asli Jakun, Bekok, kemudian disusuli dengan makanan tradisi mereka. Selepas meneroka kehidupan Orang Asli Jakun, pembaca akan mengenali mereka merupakan suatu bangsa yang kaya dengan adat tradisi seperti bangsa lain di Malaysia. Kesan pendidikan dan mobiliti sosial telah melahirkan ramai cerdik pandai di kalangan Orang Asli Jakun. Pelbagai kerjaya berjaya ditembusi seperti senator, doktor perubatan, guru, usahawan dan sebagainya. Sebagai penyeri buku ini, diselitkan satu bab mengenai tokoh Orang Asli Jakun yang berjaya dalam karier sebagai pendidik iaitu Cikgu Rosnah Yaakob, bekas guru besar Sekolah Kebangsaan Kampong Kudung.

Penulis-penulis Bab 1 hingga Bab 3 menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan pengalaman bersama komuniti Jakun di Bekok. Oleh itu, penulisan dalam bab-bab tersebut adalah hasil daripada sumber asli secara langsung. Bab yang seterusnya adalah hasil penyelidikan melalui kerja lapangan, temu bual separa dan tinjauan seperti meninjau hasil kerja yang lepas tentang penggunaan kaedah matematik untuk mengkategorikan tahap kualiti hidup graduan Orang Asli UiTM, meninjau impak pendidikan terhadap mobiliti sosial Orang Asli Johor dan bab terakhir penulis menggunakan data sekunder untuk meninjau tren pendidikan tinggi Orang Asli di Johor.

Menariknya buku ini kerana penyumbang bab merupakan mereka yang telah lama berpengalaman aktif dalam penyelidikan Orang Asli sejak 2018 dan ditambah lagi dengan perolehan geran SDG memudahkan buku ini diterbitkan. Buku ini sesuai dijadikan buku rujukan untuk para penyelidik yang berminat dalam penyelidikan mengenai Orang Asli Jakun. Orang Asli adalah golongan yang perlu diberi perhatian lebih dari pelbagai sudut bukan terhad kepada pendidikan, tetapi juga kepada kesihatan, sosioekonomi, dan infrastruktur.

## PENGHARGAAN

Proses penulisan menyiapkan buku penyelidikan Orang Asli Jakun Johor mengambil masa yang panjang. Ia tidak akan terjadi melainkan dengan izin Allah yang memudahkan semua urusan dan sudah pasti banyak pihak yang terlibat. Kami merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor, geran penyelidikan *Lestari SDG Triangle 2019* dengan no. fail RMC 600-RMC/LESTARI SDG-T 5/3 (073/2019), Rektor dan pengurusan UiTM Cawangan Johor, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kampong Kudung serta Tok Batin Baya (Kampung Kemidak), Tok Sayadin (Ketua Adat Jakun) dan komuniti Jakun, Bekok, Segamat, Johor.

Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada para penulis lain yang telah menyumbangkan penulisan dalam bab buku ini iaitu **Rohani Jangga, Jaslin Md. Dahlan, Muruga Chinniah, Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak, Nor Fauziah Abu Bakar, Alizah Ali, Norlina M. Ali, Rosnani Mohd Salleh, Mohd Zulkhairi Mat Salleh** dan **Asmawati Binti Che Hasan**

Akhir sekali, tidak lupa juga penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

## PRAKATA

Alhamdulillah pujian kita kepada Allah Tuhan semesta alam dan selawat serta salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam. Kita ini hanya termampu menitipkan sebahagian daripada tugas khalifah yang DIA bentangkan seluas-luasnya, untuk kita fahami dan hargai.

Buku kecil ini adalah antara perkongsian menarik penulis bersama dengan komuniti Orang Asli Jakun yang menetap di Bekok, sebuah daerah kecil di Segamat. Orang Asli Jakun di Johor dengan populasi sejumlah 8144 (JAKOA, 2019) adalah komuniti paling ramai berbanding kelompok Orang Asli lain. Rupa paras mereka adalah lebih dekat dengan rupa paras orang Melayu dengan berambut lurus dan berkulit sawa matang. Tubuh kasar mereka juga sederhana (tidak terlalu besar dan tidak pula pendek) dengan gerak langkah yang sopan walaupun matanya meliar.

Menatap pada setiap bab dalam buku ini, anda akan berupaya memahami latar budaya dan kepercayaan Orang Asli Jakun, meneliti budaya dan cara hidup mereka yang amat dekat dengan hutan belantara. Tidak dinafikan, perubahan sosial terkesan jelas kepada golongan anak muda, namun begitu kaum dewasa kelihatan masih terpahat dengan tradisi dan tingkah laku yang lama. Buku ini mengupas secara langsung kepercayaan tradisi dan struktur sosial yang kukuh berdiri di kalangan mereka.

Penulis merakamkan sedikit perkongsian pengalaman UiTM membantu komuniti ini dalam dunia pendidikan dan penyediaan penapis air kepada masyarakat setempat. Masih banyak ruang untuk membantu, namun kesepakatan dan daya mobilisasi kepakaran (dan

kewangan) perlu digerakkan sebaiknya. Nilai kemajuan bukan hanya dinikmati di bandar besar, malah perlu dikembangkan kepada golongan sasaran seperti mereka.

Pada bab-bab berikutnya, penulis lebih memfokuskan perbincangan pada pencapaian Orang Asli dalam dunia pendidikan, khasnya pendidikan di peringkat yang lebih tinggi. Isu mobilisasi remaja dan anak muda menjadi isu utama untuk dinilai daya keutuhan dan kebolehpasaran mereka pada situasi baharu. Ternyata mobilisasi amat perlu bagi membuka ruang pemikiran dan keyakinan diri untuk terus bersaing dan memajukan diri kendiri, tanpa perlu menoleh ke belakang lagi.

Kebanyakan mereka yang melanjutkan pengajian di universiti, kelihatan mampu untuk melangkah lebih jauh. Di kalangan mereka ada yang menjadi usahawan, ada juga pekerja di sektor awam dan ada yang kembali ke kampung halaman dengan membawa rentas pembangunan kepada penduduk setempat. Kelebihan ini sebenarnya berupaya untuk merubah cara hidup dan berupaya meningkatkan ekonomi kendiri.

Buku ini bukan segala-galanya, namun ia berupaya memaparkan sebahagian daripada jejak warisan suku kaum Jakun di daerah pedalaman Bekok. Rakaman penulis tentunya tidak menyeluruh, namun coretan seperti ini amat berharga kepada pembaca dan penyelidik untuk meneroka lebih jauh mengenai Orang Asli Jakun. Mereka tidak sama sekali jakun, walaupun ada orang kita menisbahkan kejakunan itu kepada satu aspek kebodohan. Jakunnya Orang Jakun adalah namanya sahaja, sedangkan upaya dan kudrat pemikiran melewati belantara yang menjadi pagar dalam kehidupan mereka!

**Shamsatun Nahar Ahmad**

**Ahmad Nawawi Yaakob**

## PENGENALAN

Mendekati masyarakat Orang Asli adalah satu pengalaman berharga kepada para penyelidik dan penulis. Komuniti ini umumnya mengalami perubahan seiring dengan perubahan dunia luar, walaupun pada bahagian tertentu masih kekal pada status tradisi mereka.

Dalam buku ini, penulis meneroka sebahagian daripada keunikan dan kehebatan suku kaum Jakun yang menetap di kawasan Bekok, Segamat. Rupa paras orang Jakun adalah amat hampir dengan rupa paras orang Melayu, yang berkemungkinan besar saling mewarisi keturunan dan genetik yang sama. Setelah lama mengenali masyarakat Asli ini, penulis dapat rasakan mereka adalah sebahagian daripada kita pada warisan dan tradisi, pada pandangan dunia tentang alam dan kehidupan.

Orang Asli di Bekok adalah kelompok Asli Jakun yang berangkaian dengan Kampung Peta (Pahang) dan Kahang di Kluang. Pada asalnya mereka berkampung di kaki gunung sekitar banjaran Bekok-Selai sebelum dipindahkan ke perkampungan tersusun pada tahun 1998 – 2000. Kampung asal masih kekal wujud walaupun tidak berpenghuni seperti Kampung Kemidak di hulu Sungai Selai, dan Kampung Lenek di kawasan Taman Negara Selai. Sebanyak enam perkampungan dijadikan perkampungan baharu dengan kemudahan prasarana yang lebih baik dan tersusun.

Perkampungan itu ialah Kampung Tembayan, Kampung Kudung, Kampung Tamok, Kampung Kemidak, Kampung Selai dan Kampung Lenek. Sekolah Kebangsaan Kampong Kudung adalah pusat pendidikan setempat selain Tadika Kemas yang dibangunkan

## Orang Asli Jakun JOHOR

di Kampung Kudung. Kemudahan balai raya, surau, jalan raya, bekalan elektrik dan kemudahan air disediakan oleh pihak kerajaan. Penduduk juga diberikan tanah untuk pertanian sawit dan kontan selain rumah kediaman yang sesuai. Sebuah Balai Adat dibina di Kampung Tamok sebagai pusat perkumpulan setempat dan sebagai ‘majlis penghakiman’ kepada masyarakat setempat. Sebuah lagi kampung Orang Asli Jakun di Bekok yang terpisah daripada daripada laluan ini ialah Kampung Orang Asli Lenek.

Menurut laporan Jabatan Kemajuan Orang Asli Segamat hingga 22 Julai 2019, sebanyak 367 buah rumah dan seramai 1,328 orang yang mendiami enam perkampungan di sini. Hakikatnya, tidak seperti Orang Asli Batik di Kuala Tahan, komuniti Jakun terdedah dengan percampuran bangsa luar seperti Melayu, Cina dan warga Indonesia. Ini berlaku melalui perkahwinan campur yang sedia diterima dan telah menjadi budaya penduduk setempat. Genetik baharu akan ketara mewarnai budaya dan sosialisasi kaum Jakun dalam tempoh terdekat.

Perkampungan Orang Asli dengan pekan Bekok dihubungkan dengan sebuah jalan raya sejauh 25 KM. Dari pekan Bekok ke Kampung Tembayan dalam jangkaan 10 KM, melalui Kampung Kudung (13 KM), Kampung Tamok (15 KM), Kampung Kemidak (20 KM) dan Kampung Selai (25 KM). Kampung Selai terletak berhadapan dengan laluan masuk ke Taman Negara Selai-Rompin dan kampung ini berada di bawah seliaan Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) yang menjadi pusat rekreasi air, hutan, air terjun dan kemudahan penginapan (chalet). Bagi gambaran yang lebih jelas, sila rujuk peta di bawah.



*Sumber: Portal Rami Majlis Daerah Labis*

Secara tradisinya, setiap buah kampung diketuai oleh seorang Tok Batin. Tok Batin adalah ketua bagi penduduk setempat yang setaraf dengan jawatan Penghulu di perkampungan Melayu. Tok Batin adalah pewaris adat, hakim pendamai, ketua istiadat dan pemimpin yang disantuni oleh masyarakat setempat. Pemilihan Tok Batin pada kebiasaannya adalah melalui pewarisan keluarga, namun begitu atas keperluan tertentu pemilihan dibuat dalam bentuk undian terbanyak. Dalam kalangan Tok Batin, terdapat mereka yang dipilih atas sumbangan peribadi dan peranan yang dimainkan oleh mereka. Namun begitu, talian darah keturunan masih menjadi faktor utama pemilihan seseorang batin. Orang luar tentunya tidak boleh mengambil alih jawatan Tok Batin, kecualialah dia berkahwin dengan Orang Asli setempat dan mewarisi zuriatnya.

Selain Tok Batin, struktur sosial Orang Asli terbentuk oleh tokoh sosial tersendiri seperti Ketua Adat dan Tok Bomoh. Ketua Adat adalah mereka yang dilantik atas kapasitinya untuk menjaga adat istiadat warisan, khasnya dalam bentuk pantang larang dan penyembahan (pemujaan) di keramat. Manakala Tok Bomoh berperanan sebagai ‘doktor’ dan penyembuh kepada mereka yang berhajat. Kekuatan Tok Bomoh adalah bergantung kepada keberhasilan doa (jampi) dan ubatan yang digunakan. Orang luar seperti kaum Melayu, Cina dan India juga turut menggunakan khidmat Tok Bomoh untuk keperluan tertentu.

## Orang Asli Jakun JOHOR

Meneliti pada warisan budaya Orang Asli Jakun ia adalah suatu yang menarik dan tersendiri. Mereka kaya dengan pantang larang dan patuh pada aturan alam belantara yang menjadi sebahagian daripada kehidupan.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor telah lama mengorak langkah menelusuri komuniti Jakun di Bekok sejak 1990-an. Selain projek pelajar seperti OPKIM dan motivasi, UiTM juga mengambil inisiatif membantu komuniti dalam membangunkan pendidikan dan ekonomi setempat. Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB-Orang Asli) antara gagasan langsung menghubungkan UiTM dengan komuniti Orang Asli. Makalah yang ada di tangan anda ini adalah sebahagian kecil daripada pengalaman penulis bersama mereka. Kita membina satu jambatan baharu bahawa mereka juga adalah sebahagian daripada kita yang perlu diberi peluang seluasnya dalam arus pembangunan negara.

# BAB 1

## KEPERCAYAAN DAN ADAT TRADISI ORANG ASLI JAKUN, BEKOK

*Ahmad Nawawi Yaakob, Rohani Jangga, Alizah Ali,  
Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak*

### Abstrak

Orang Asli Jakun di Bekok mengamalkan kepercayaan animisme. Kepercayaan ini melakukan pemujaan keramat pada hari kebesaran mereka. Terdapat enam perkampungan tersusun yang dibina kerajaan iaitu Kampung Tembayan, Kampung Kudung, Kampung Tamok, Kampung Kemidak, Kampung Selai dan Kampung Lenek. Kajian lapangan ini dijalankan menggunakan pendekatan temu bual bersama masyarakat Asli Jakun di perkampungan Bekok. Kajian ini untuk memperkuatkan makna ketuhanan dan kebergantungan Orang Asli kepada alam maya pada adat dan amalan mereka. Orang Asli Jakun mempercayai kewujudan Tuhan yang maha kuasa di atas iaitu sebagai kuasa mutlak kejadian alam dan kehidupan. Mereka mempercayai keramat yang dijelaskan sebagai perantara manusia dan Tuhan yang di atas. Tok Batin dalam masyarakat Asli Jakun adalah ketua suku kaum yang sangat dihormati oleh setiap lapisan masyarakat Orang Asli. Manakala, Tok Dukun dalam masyarakat Asli Jakun menjadi rujukan untuk perubatan dan perbomohan. Kematian menurut pandangan tradisi Orang Asli Jakun adalah satu kehidupan semula yang kekal abadi. Seterusnya, adat istiadat perkahwinan Orang Asli Jakun (Johor) adalah dimulakan dengan merisik diikuti dengan bertunang dan seterusnya majlis perkahwinan. Mereka akan mengadakan Majlis Malam Berinai, Majlis Bersanding dan beberapa upacara adat yang lain. Adat dan kepercayaan Orang Asli Bekok banyak bergantung kepada penterjemahan mereka kepada semula jadi alam.

**Kata kunci:** Adat tradisi, Jakun, Kepercayaan, Tok Batin, Tok Dukun

## Kepercayaan dan Adat Tradisi Orang Asli Jakun, Bekok

pemujaan walaupun Tok Biah sendiri menyedari apa yang dibuatnya bukanlah suatu yang pasti (Tok Biah, temu bual, 10 Ogos 2018). Kajian ini menjelaskan secara ringkas kewujudan sistem perbomohan dan amalan istiadat yang diwarisi Orang Asli di Bekok.

Perkembangan sistem pendidikan dan kefahaman Orang Asli semasa menjadikan institusi perbomohan kian terhakis. Namun begitu, mereka tetap diperlukan dalam kondisi tertentu, biar maju sebagaimana sekalipun manusia, alam ghaib itu tetap memberi impak tersendiri.

## Rujukan

- Abdul Halim Ramlie. (2005). *Tamadun Asia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Faezah Kassim, Abd. Wahid Jais, Zamre Abu Hassan, Norazlan Hadi Yaacob & Aiza Mazlan. (2017). Perubahan amalan budaya masyarakat orang asli (mulim): Satu kajian awal di Pos Pantos, Kuala Lipis, Pahang. *Proceeding of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). <https://www.jakoa.gov.my>

# BAB 2

## MAKANAN TRADISI ORANG ASLI JAKUN, BEKOK

*Ahmad Nawawi Yakob, Rohani Jangga, Norlina M. Ali & Rosnani Mohd Salleh*

### Abstrak

Orang Asli lebih gemar memilih kehidupan semula jadi di dalam hutan. Ini adalah kerana sumber makanan kaum mereka lebih senang didapati di dalam hutan samada memburu haiwan atau memetik tumbuhan untuk dijadikan makanan sehari-hari. Makanan tradisi dipandang dari tiga sudut berbeza iaitu makanan harian, makanan pemujaan dan makanan pada hari kebesaran. Secara tradisi, nasi dimasak menggunakan buluh tetapi telah tidak digunakan dalam abad ini, hanya dalam majlis tertentu sahaja. Daun pula digunakan untuk membungkus beras yang dikukus seperti daun lerek. Penyediaan makanan tradisi adalah mudah dan ringkas tetapi bahan asas mereka adalah unik dan sukar didapati.

**Kata kunci:** Makanan tradisi, Orang Asli Jakun

### Pengenalan

Makanan bergantung kepada sumber alam yang amat hampir dengan kehidupan bagi sesebuah komuniti. Beras adalah makanan asasi rakyat Malaysia sejak berzaman termasuklah komuniti orang Asli Jakun di Bekok. Dahulunya mereka mengusahakan padi huma (padi bukit) secara berkala, namun atas perubahan cara hidup dan perubahan nilai ekonomi, padi bukit tidak dapat diusahakan lagi.

Bab ini akan mengupas secara ringkas makanan tradisi orang Asli Jakun di Bekok berdasarkan maklumat yang diperoleh secara langsung dari komuniti Orang Asli Jakun ketika sesi lawatan penulis untuk program khidmat masyarakat universiti. Bagi komuniti Orang

# BAB 3

## MENGUBAH LANDSKAP PENDIDIKAN ANAK-ANAK ORANG ASLI JAKUN DI SK KAMPONG KUDUNG: CIKGU ROSNAH YAAKOB

*Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak dan Ahmad Nawawi Yaakob*

### Abstrak

Satu tokoh yang dikagumi di kalangan Orang Asli dari etnik Jakun diceritakan dalam bab ini dengan mengambil kejayaan Cikgu Rosnah. Maklumat yang diperoleh adalah melalui sesi temu bual yang telah dilakukan di rumah beliau. Kejayaan terbesar yang dicipta ketika berkhidmat sebagai guru besar di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampong Kudung pada 5 Februari 2010 iaitu sebuah sekolah khas untuk anak-anak Orang Asli. Beliau merupakan pelopor pembangunan landskap pendidikan anak-anak Orang Asli di SK Kampong Kudung kerana telah merubah prestasi akademik yang lemah kepada memberansangkan. Formula kejayaan telah diperkenalkan iaitu prinsip 5P (perancangan, pasukan, pelaksanaan, pemantauan, penambahbaikan) dalam pentadbirannya sebagai guru besar. Langkah pertama yang dilakukan ialah ‘membeli’ jiwa guru untuk dijadikan ‘modal’. Seterusnya adalah menaik taraf fizikal sekolah dari sebuah kabin yang panas kepada sebuah bangunan yang selesa untuk menambat hati murid agar suka dan sayang kepada asrama dan sekolah, begitu juga hati ibu bapa mereka. Selain itu, ukhuwah yang rapat dengan masyarakat Orang Asli di Kampung Kudung berjaya terjalin melalui hubungan baik dengan Tok Batin dan melakukan aktiviti bersama komuniti di situ. Langkah seterusnya ialah pembangunan akademik murid-murid. Melalui dana yang dipohon daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), beliau dapat menjemput para guru pakar bagi setiap subjek dan membuat kelas tambahan di luar waktu persekolahan serta pada waktu cuti persekolahan. Hasil prinsip 5P ialah SK Kampong Kudung telah dinobatkan beberapa kejuaraan pada peringkat kebangsaan dan perdana. Cikgu Rosnah telah meletakkan kejayaan SK Kampong Kudung seiring antara akademik dan sahsiah.

**Kata kunci:** Orang Asli, Pendidikan, Prisip 5P, SK Kampong Kudung, Tokoh



**Rajah 3.6:** Majlis perpisahan Cikgu Rosnah di SK Kampong Kudung

## Rujukan

Idris, K. A. (2018). Gaya hidup fitrah dalam Islam. *Institut Kemahiran Islam Malaysia (IKIM)*. <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2018/01/17/gaya-hidup-fitrah-dalam-islam/>

Katman, Z., Yasin, M. H. M., Tahar, M. M. (2016). Penggunaan Peneguhan Positif: Pujian dan Token Ekonomi untuk Modifikasi Tingkahlaku Murid Pendidikan Khas ‘Slow Learner’. [\(PDF\) Penggunaan Peneguhan Positif: Pujian dan Token Ekonomi untuk Modifikasi Tingkahlaku Murid Pendidikan Khas ‘Slow Learner’ \(researchgate.net\)](#)

# BAB 4

## PEDIDIKAN ANAK ORANG ASLI JAKUN DI KAMPONG KUDUNG: KHIDMAT KOMUNITI UiTM

*Shamsatun Nahar Ahmad, Nor Fauziah Abu Bakar & Muruga Chinniah*

### Abstrak

Khidmat komuniti UiTM bertema *The Golden Diggers: Fun Learning Science, Mathematics & English* merupakan kajian awal terhadap pendidikan anak-anak Orang Asli Jakun di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampong Kudung, Bekok, Segamat, Johor. Objektif utama adalah untuk mengeratkan hubungan UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat dengan masyarakat Orang Asli di Kampung Kudung, Bekok, Segamat. Selain itu, tujuan program adalah untuk mengetahui tahap penguasaan murid Orang Asli Tahun 3 hingga Tahun 6 terhadap mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Objektif ini adalah merujuk kepada persoalan kajian, adakah murid Orang Asli Jakun di sekolah rendah telah menguasai pengetahuan asas mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris? Responden kajian terdiri daripada murid tahun 3 hingga tahun 6 seramai 88 orang. Setiap responden diberi tiga set soalan iaitu set soalan Sains, Matematik, dan Bahasa Inggeris. Kajian ini menggunakan khidmat enam orang fasilitator daripada guru-guru mata pelajaran tersebut. Tempoh perlaksanaan ujian adalah selama lima hari iaitu pada 21-25 Mac 2021 dan penutup program pada 12 April 2021 untuk penyampaian hadiah kepada responden yang mendapat markah tertinggi. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan ketiga-tiga mata pelajaran adalah baik bagi bahagian soalan tertentu dan bukan keseluruhan. Dapatkan kajian ini adalah cukup untuk membuktikan pada suku tahun murid-murid di SK Kampong Kudung telah mempunyai pengetahuan asas bagi subjek teras tersebut. Kajian ini boleh diteruskan dengan mengambil kira perspektif murid terhadap ketiga-tiga mata pelajaran tersebut.

**Kata kunci:** Bahasa Inggeris, Matematik, Orang Asli Jakun, Pendidikan, Sains

## Rujukan

- Bernama. (2019, April 22). Usaha tingkat pendidikan Orang Asli agenda utama kerajaan. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/473183>
- Bernama. (2021, November 24). 42.29 peratus murid Orang Asli tidak tamat sekolah. *Sinar Harian, Nasional*. <https://www.sinarharian.com.my/article/174289/BERITA/Nasional/4229-peratus-murid-orang-asli-tidak-tamat-sekolah>
- Jamian, A. R. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(1), 1-12.
- Latif, A. A. & Hanifah, A. A. (n.d). Penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar PKPG Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia. <https://core.ac.uk/reader/11786160>
- Lu, W. H. (2019, July 10). Lebih 700 murid Orang Asli keciciran sekolah tahun lalu. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/483248>
- Mamat, M. (2016). Penguasaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di UKM. *Issues in Language Studies*, 5(2). <https://doi.org/10.33736/ils.1636.2016>
- Othman, Y. & Osman. D. S. P. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4(1), 19-29.
- Yahya, A. & Savarimuthu, E. M. (n.d). Kepentingan kefahaman konsep dalam matematik. <https://core.ac.uk/download/pdf/11785788.pdf>

# BAB 5

---

## PENAPIS AIR TAKAH PENGKOI: KHIDMAT KOMUNITI UITMJ

*Mohd Zulkhairi Mat Salleh & Asmawati Che Hassan*

### Abstrak

Selain pendidikan, isu kesihatan sumber air bersih juga diberi perhatian. Tinjauan awal mendapati terdapat penapis air yang telah dihasilkan dan dibina oleh penduduk setempat di air terjun Takah Pengkoi, Kampung Kudung. Air terjun ini menjadi sumber utama bekalan air untuk Sekolah Kebangsaan Kampong Kudung dan kampung sekitarnya.. Namun, kualiti air yang digunakan masih diragui kerana ianya tidak dirawat dan digunakan secara terus oleh orang ramai yang mana boleh mengakibatkan penduduk menghadapi masalah penyakit dan sebagainya. Oleh itu, satu usaha merekabentuk dan membina penapis air di air terjun Takah Pengkoi telah dilakukan dengan pembiayaan dari *Global Environment Centre* iaitu sebuah badan bukan kerajaan yang menguruskan hal-hal berkaitan dengan alam sekitar di bawah geran *National River Care Fund* berjumlah RM5,000.00 (Ringgit Malaysia lima ribu sahaja). Rekabentuk penapis air ini telah memenangi pingat emas dan perak di dua pertandingan inovasi antarabangsa (*Melaka International Intellectual Exposition 2019 – Smart water filter cage for water treatment*) dan *International Tinker Innovation & Entrepreneurship Challenge 2019 – Innovation method of reducing suspended solids in water*).

**Kata kunci:** Air bersih, Air terjun, Orang Asli, Penapis air, Takah Pengkoi



**Rajah 5.8:** Penyelidik UiTM Kampus Pasir Gudang bersama murid-murid Orang Asli di SK Kampong Kudung

## Rujukan

- Abdin, A., Sakke, N. & Jaafar, A. (2021). Aksesibiliti bekalan air terawat dan cabaran sekuriti air di pulau sebatik. *MANU*, 32 (1), 19-49.
- Fadzil, K. S., Awang, S. N., Zainol, R. & Juli Edo. (2016). Masyarakat Pribumi, Infrastruktur sosial & pembangunan terancang di Malaysia: Kajian penglibatan masyarakat Orang Asli di RPS Air Banun, BelumTemenggor, Perak. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society & Space*, 12(10), 88-100.
- Media Permata. (2019, April 30). Pentingnya meminum air yang bersih. *Media Permata*. <https://mediapermata.com.bn/pentingnya-meminum-air-yang-bersih/>
- Tahir, M. I. I. (2021, Ogos 13). Dua kampung Orang Asli terima air terawat. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/155309/EDISI/Dua-kampung-orang-asli-terima-bekalan-air-terawat>
- TopoNavi. (2022). Bekok pada peta, Malaysia. <http://bn.toponavi.com/200749>

# BAB 6

## IMPAK PENDIDIKAN TERHADAP MOBILITI SOSIAL DALAM KALANGAN ORANG ASLI DI JOHOR

*Jaslin Md. Dahlan*

### Abstrak

Teras utama Pelan Strategik Pembangunan Orang Asli 2011-2015, adalah untuk menghapuskan kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli dan meningkatkan kualiti hidup Orang Asli. Banyak kajian berkaitan pencapaian akademik Orang Asli telah dilaksanakan oleh ramai penyelidik. Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian dijalankan untuk menentukan bagaimana tahap pendidikan mempengaruhi mobiliti sosial kehidupan graduan Orang Asli selepas mereka menamatkan pengajian tinggi. Persoalan utama kajian adalah untuk mengenal pasti kesan pendidikan tinggi pelajar golongan Orang Asli terhadap beberapa faktor yang berkaitan seperti peluang pekerjaan, keupayaan untuk memperbaiki taraf hidup serta penghijrahan tempat tinggal ke kawasan yang lebih membangun seperti di bandar-bandar. Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk penerokaan dan temu bual separa berstruktur. Responden adalah pelajar UiTM dari kalangan Orang Asli yang mendaftar melalui program Pra-Pendidikan Tinggi (PPT). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa graduan UiTM di kalangan Orang Asli akan lebih mudah alih secara sosial dikaitkan dengan kedudukan ekonomi yang lebih baik akan mempunyai rangkaian hubungan sosial yang lebih luas serta berpotensi untuk meningkatkan kualiti hidup kepada yang lebih baik. Pencapaian dalam pendidikan didapati mempunyai kesan positif terhadap tahap kemahiran insaniah graduan, samada yang diperolehi semasa tempoh pengajian atau setelah bergraduat. Didapati mereka lebih cenderung untuk meninggalkan gaya hidup asal mereka. Kajian ini juga menekankan bagaimana pendidikan di institut pengajian tinggi mempengaruhi mobiliti graduan secara langsung atau tidak langsung seterusnya mempengaruhi aktiviti sosio-ekonomi mereka.

**Kata kunci:** Graduan UiTM, Johor, Mobiliti sosial, Orang Asli, Pendidikan

## Impak Pendidikan terhadap Mobiliti Sosial dalam kalangan Orang Asli di Johor

Malaysia. Penyelidik juga mencadangkan kajian dibuat melibatkan graduan Orang Asli daripada universiti lain, dalam dan luar negara. Ternyata di sini, program MDAB perlu diteruskan kerana ia membantu golongan B40 dan komuniti Orang Asli dalam meneruskan pendidikan mereka.

Sebagai rumusan ringkas, kajian ini menjelaskan kesan ketara ke atas mobilisasi sosial, khasnya dalam bidang pendidikan bagi meningkatkan kualiti hidup di kalangan masyarakat orang asli. Keengganahan mereka untuk berhijrah, tidak mahu meneroka kehidupan yang lebih luas di dunia luar menjadi punca kesukaran komuniti terkecil ini bingkas menguasai ekonomi dan memperbaiki status sosial mereka. Pemupukan kesedaran melalui pendidikan dan komunikasi sosial sebenarnya berupaya untuk mencorakkan budaya baharu yang kita inginkan ke atas komuniti orang asli di seluruh negara.

### Rujukan

- Abdullah, R., Acciaioli, G., Hafizah, N & Mat Rasat, M. S. (2014). Forest Significant and Conservation among the Semaq Beri Tribe of Orang Asli in Terengganu State, Malaysia. *Australian Journal of Basic and Applied Science*, 8(7), 386-395.
- Brown, P., Reay, D., & Vincent, C. (2018). *Education and Social Mobility* (1st ed.). Routledge.
- Haveman, R & Smeeding, T. (2006). The Role of Higher Education in Social Mobility. In *The Future of children*, 16(2), 125-150. <https://doi.org/10.1353/foc.2006.0015>.
- Li, Z., Qiu, Z. (2018). How does family background affect children's educational achievement? Evidence from Contemporary China. *J. Chin. Sociol.* 5(13). <https://doi.org/10.1186/s40711-018-0083-8>
- Majid, S., Liming, Z., Tong, S., & Raihana, S. (2012). Importance of Soft Skills for Education and Career Success. *International Journal for Cross-Disciplinary Subjects in Education*, 2, 1036-1042. <https://doi.org/10.20533/ijcdse.2042.6364.2012.0147>.

- Nazimuddin, S. (2015). Social Mobility and Role of Education in Promoting Social Mobility. *International Journal of Scientific Engineering and Research*, 3(7).
- Chan, T. W. (2017). Social mobility and the well being of individuals. *The British Journal of Sociology (BJS)*, 69(1), 183-206. <https://doi.org/10.1111/1468-4446.12285>

# BAB 7

---

## KAEDAH MATEMATIK DALAM MENGIKUR TAHAP KUALITI HIDUP GRADUAN ORANG ASLI JAKUN UiTM: SATU TINJAUAN

*Shamsatun Nahar Ahmad & Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak*

### Abstrak

Mengurangkan jurang ketidaksamaan kelas dalam pencapaian pendidikan dipercayai dapat membantu meningkatkan kualiti hidup. Hasil kajian daripada para penyelidik terdahulu mendapati kualiti pendidikan Orang Asli masih ditahap yang rendah berbanding masyarakat arus perdana berdasarkan pelbagai faktor. Bab ini meninjau satu kajian yang telah dilakukan terhadap kategori tahap kualiti hidup bagi graduan UiTM dari kalangan Orang Asli Jakun Johor. Kajian tersebut menggunakan pendekatan matematik yang dinamakan kaedah Proses Hierarki Analitik Kabur (*The Fuzzy Analytic Hierarchy Process (F-AHP)*) dengan mengambil kira faktor pendidikan dan mobiliti sosial sebagai faktor utama, manakala kategori tahap kualiti hidup Orang Asli Jakun dinilai berdasarkan lapan sub-faktoryang dikenal pasti, iaitu lima untuk penilaian mobiliti sosial dan tiga untuk penilaian mobiliti pendidikan. Umumnya, kajian tersebut membuktikan bahawa pendekatan matematik adalah kaedah alternatif yang boleh digunakan untuk menganalisa kajian bidang sains sosial seperti mengukur kategori tahap kualiti hidup melalui kes para graduan Orang Asli Jakun Johor.

**Kata kunci:** F-AHP, Graduan UiTM, Kaedah Matematik, Orang Asli Jakun, Tahap Kualiti Hidup

juga meningkatkan kualiti hidup mereka. JAKOA juga memainkan peranan penting dalam merancang program pembangunan yang efektif bagi masyarakat Orang Asli di Malaysia.

## Rujukan

- Aditi, Kaul, A., Darbari, J.D., Jha, P.C. (2020). A Fuzzy MCDM Model for Facility Location Evaluation Based on Quality of Life. In: Das, K., Bansal, J., Deep, K., Nagar, A., Pathipooranam, P., Naidu, R. (eds) Soft Computing for Problem Solving. Advances in Intelligent Systems and Computing, vol 1048. Springer, Singapore. [https://doi.org/10.1007/978-981-15-0035-0\\_56](https://doi.org/10.1007/978-981-15-0035-0_56)
- Ahmad, S. N., Tarmudi, Z., Suhadak, N. dan Bakar, N. F. A. (2021). The Education and Social Mobility of Orang Asli Jakun to Leverage Life Quality Using a Fuzzy Method. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(10), 1254-1265.
- Deli, M. M., & Yasin, R. M. (2016). Quality education of Orang Asli in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*, 6(11): 233-240.
- Harun, M. F. M., & Idris, N. A. H. (2020). The quality of life of Malaysian aborigines: measured with a weighted quality of life index for Orang Asli. *Akademika*. 82(1): 75-81.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2021). Atas talian Suku Kaum/Bangsa: <https://www.jakoa.gov.my>
- Lee, H. Z., Vivien, W. C. Y., Azima, A. M., Mal, K. S., & Geraldine, K. L. C. (2018). Resettlement Programme and its impact on socio-economic development of Orang Asli Jakun: A case study of the RPS Runchang, Pahang. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4): 127- 41.
- Li, Z. & Zhong, H. (2017). The impact of higher education expansion on intergenerational mobility: Evidence from China. *Economics of Transition*, 25(4): 575-591.
- Lotfi, S. & Solaimani, K. (2009). An assessment of urban quality of

- life by using Analytic Hierarchy Process approach (Case study: Comparative study of quality of life in the north of Iran). *Journal of Social Sciences*, 5(2): 123-133. DOI: 10.3844/jssp.2009.123.133
- Manaf, N. A. & Abdullah, R. (2021). Cabaran penyertaan komuniti orang asli dalam program pembangunan sosial: Kajian kes di perkampungan Sungai Pergam, Kemaman, Terengganu. *Jurnal Dunia Pengurusan*: 2682-8251, 3(1), 9-22.  
<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg>
- Mohd Nor, M. M., Sikimi, M. F., & Mohd Nor, M. N. (2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin Pahang, *Malaysian Journal of Society and Space*, 72-86.
- Nazimuddin, S. K. (2015). Social mobility and role of education in promoting social mobility. *International Journal of Scientific Engineering and Research* (IJSER), 3(7): 176-179.
- Primus, D., Abdullah, M. N. L. Y., & Ismail, A. (2017). Indigenous students' challenges, adaptation, and self-esteem during post-secondary education: A Study on Selected Malaysian Public Universities. *Malaysian Online Journal of Educational Management* (MOJEM), 5(1): 2289-4489.
- Richard, B. (2010). Educational Expansion and Social Mobility in the 20<sup>th</sup> Century. *Social Forces*, 89(2): 365-388.
- Saifullah, M. K., Masud, M. M., & Kari, F. B. (2021). Vulnerability context and well-being factors of Indigenous community development: a study of Peninsular Malaysia. *AlterNative: An International Journal of Indigenous Peoples*, 17(1): 94-105.
- World Economic Forum 2020. Global social mobility report 2020 equality, opportunity, and a new economic imperative. Geneva: World Economic Forum. 2020, 14-17.
- Yusof, H., Jalil, N. A., Khoo, Y. Y., Mansor, M., & Mahdinezhad, M. (2017). Parental Commitment in Leading Learning of the Orang Asli Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(4): 816-827.

# BAB 8

## TREND PENDIDIKAN TINGGI ORANG ASLI DI JOHOR

*Muruga Chinniah, Palaniappan Shamala & Shamsatun Nahar Ahmad*

### Abstrak

Orang Asli adalah penduduk tertua di Semenanjung Malaysia tetapi mereka adalah minoriti di antara jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia. Orang Asli dibahagikan kepada tiga suku kaum iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Melayu Proto (Melayu Asli) dan terdiri daripada 18 etnik. Pendidikan merupakan elemen penting dalam peningkatan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara. Di Malaysia, peningkatan pekerja berpendidikan dan berkemahiran tidak konsisten. Etnik minoriti Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di kawasan tanah tinggi atau di kawasan pedalaman cenderung mempunyai kadar kecinciran yang tinggi dalam setiap peringkat pendidikan. Kajian menunjukkan bahawa kira-kira 50 peratus pelajar Orang Asli tidak melanjutkan pelajaran di sekolah menengah selepas tamat sekolah rendah dan 30 peratus pelajar Orang Asli menamatkan sekolah menengah, iaitu kurang daripada separuh daripada purata. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan terdapat kegagalan besar dalam melaksanakan program pendidikan Orang Asli oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Kajian ini akan membincangkan dapatan hasil kajian lapangan bersama dengan data sekunder yang sedia ada untuk mengkaji dan memetakan taburan Orang Asli yang diperoleh daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), terdiri daripada data penduduk Orang Asli bagi setiap negeri di Semenanjung, kemasukan pelajar Orang Asli ke IPT, lulusan UiTM keturunan Orang Asli dan pengumpulan data sekunder berdasarkan kajian literatur untuk sebarang maklumat Orang Asli daripada sejarah, pendidikan, masalah dan lain-lain yang penting kepada kajian.

**Kata kunci:** Orang Asli, Pelajar Orang Asli, Pendidikan Tinggi, UiTM

## Rujukan

- Abdullah, R. B., Mamat, W. H. W., Zal, W. A., & Ibrahim, A. M. B. (2013). Teaching and learning problems of the Orang Asli Education: Students' perspective. *Asian Social Science*, 9(12), 118.
- Ali, Z. A. (2008). Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli. In: *Ma'ruf Redzuan dan Sarjit S. Gill (eds) Orang Asli: Isu, Transfromasi dan Cabaran*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Bilon, C., Ahmad, A. R. & Awang, M. M. (2016). Persekutaran Sosial Dan Sikap Remaja Etnik Iban Terhadap Pendidikan. *International Conference On Education and Regional Development (Icerd2016)*, 96-102. Bandung, Indonesia.
- Deli, M. M., & Yasin, R. M. (2016). Quality Education of Orang Asli in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(11), 233-240.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2018). *Statistics of Orang Asli students in public higher education institutions for 2018* [Statistik Pelajar Masyarakat Orang Asli di IPTA Tahun 2018]. Atas talian  
[http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/statistik-pelajar-masyarakat-orang-asli-di-ipa-malaysia/resource/9774dd39-be38-45d4-ad62-2977dc2581a3?inner\\_span%25253DTrue](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pelajar-masyarakat-orang-asli-di-ipa-malaysia/resource/9774dd39-be38-45d4-ad62-2977dc2581a3?inner_span%25253DTrue) [Google Scholar]
- Division of Student Admission. (2011). *Opportunities for higher education through UPU: Academic Session 2012/2013* [Peluang pengajian tinggi melalui UPU: Sesi Akademik 2012/2013]. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Ministry of Education.
- Primus, D., Abdullah, M. N. L. Y. & Ismail, A. (2017). Indigenous Students' Challenges, Adaptation and Selfesteem During Post-Secondary Education: A Study On Selected Malaysian

- Public Universities. *Malaysian Online Journal Of Educational Management* (MOJEM), 2289 - 4489.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2016). *Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli: 2016-2020*. Kuala Lumpur: JAKOA Retrieved from <https://www.jakoa.gov.my/wp-content/uploads/2019/12/pelan-strategik-JAKOA.pdf>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (JAKOA). (2008). *Program Pembangunan Ekonomi. Atas talian* : [http://www.jakoa.gov.my/web/guest/pembangunan\\_ekonomi](http://www.jakoa.gov.my/web/guest/pembangunan_ekonomi) [25 Januari 2013].
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2021). Atas talian Suku Kaum/Bangsa: <http://www.jakoa.gov.my>
- Li, S., Smith, E. M., Lyles, M. A. & Clark, T. (2016). Tapping The Power Of Local Knowledge: A Local-Global Interactive Perspective. *Journal Of World Business*, 641-653. <https://doi.org/10.1016/j.jwb.2016.04.001>
- Lyndon, N., Ragam, H. R. & Abd Rahim, M. H. (2017). The Role Of Education Towards Iban Community Social Mobility In Rural Area At Spaoh District, Sarawak: A Phenomenological Study. *Journal Of Social Science And Humanities*, 14(6), 081-091.
- Marzuki, M., Mapjabil, J. & Mohd Zainol, R. (2014). Mengupas keciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 189-198.
- Ministry of Education. (2012). *Malaysian Education Blueprint 2013-2025*. Ministry of Education Malaysia
- Ministry of Higher Education (MoHE). (2007). *National higher education action plan 2007-2010. Triggering higher education transformation*. Putrajaya: Ministry of Higher Education Malaysia.
- Mohd Nor, M. M., Sikimi, M. F., & Mohd Nor, M. N. (2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin Pahang, *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 72-86.
- Mohd Roslan, R. (2019, March 14). Peluang lebih luas kepada pelajar

Orang Asli. *Berita Harian*, p. 29

- Nordin, R., Hassan@Yahya, M. S., Wong, V. R. F. Cherley, M. & Subramaniam, L. B. (2020). Indigenous Education For The Orang Asli: Legal Perspectives And Best Practices. *Journal Of Nusantara Studies* 2020, 365-383. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol5iss2pp365-383>
- Sawalludin, A. F., Min, C. L. J., & Ishar, M. I. M. (2020). The struggle of Orang Asli in Education: Quality of education. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 46-51.
- Sa'at, S. F. & Zakarian, J. (2013). Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun. *International Journal Of The Malay World And Civilisation*, 1(1), 83-88.
- Syron, M. M. & McLaughlin, J. (2010). Indigenous Knowledge: Informing And Supporting Indigenous Students During Their First Year At University. *Higher Education Conference*. Adelaide, Australia.
- Zaidin, N. M. (2015). *Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar Di Kolej Kemahiran Tinggi Mara* (Masters Dissertation). Universiti Tun Hussein Onn.